

Mayat mangsa banjir pertama di Sarawak ditemui

KUCHING - Mayat seorang lelaki yang menjadi korban pertama banjir di negeri ini ditemui selepas hanyut oleh arus deras Sabtu lepas pada pukul 5.50 petang ini. Judus Jalina, 20, hanyut dibawa arus sungai di Kampung Maang, Jalan Kuching-Serian, kira-kira 55 kilometer dari Kuching pada pukul 9 malam Sabtu lalu ketika meredah banjir untuk pulang ke rumah bersama dua rakannya. Menurut jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, mayat Jalina ditemui pasukan mencari dan menyelamatkan kira-kira 150 meter dari lokasi mangsa dilaporkan jatuh.

Sementara itu, mangsa banjir di negeri ini meningkat kepada 7,327 orang berbanding 4,381 orang yang direkodkan kelmarin.

Kesemua mangsa yang terdiri daripada 1,786 buah keluarga itu kini masih ditempatkan di 50 pusat pemindahan banjir di sekitar Bau, Serian, Samarahan dan Kuch-

ing setakat pukul 5 petang semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri, Siti Huzaimah Ibrahim berkata, daripada jumlah itu, Kuching mencatat jumlah tertinggi dengan 24 pusat pemindahan dibuka, Serian (11), Bau (10) dan Samarahan (lima).

"Air naik mendadak selepas hujan lebat dua hari lalu telah menyebabkan banyak kawasan rendah di sekitar Bau, Serian, Samarahan dan Kuching dinaiki air," katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Pendidikan negeri dalam kenyataan memberitahu, setakat pukul 4 petang, terdapat 18 sekolah di daerah Padawan, Bau, Lundu, Serian dan Lubuk Antu masih ditutup akibat banjir, terputus hubungan dan digunakan sebagai pusat separa operasi.



GELAGAT dua remaja mandi-manda di padang Sekolah Kebangsaan St. David yang ditenggelami banjir di Kuching semalam.